

Prosedur Operasi Standard [SOP]



REKREASI LUAR

KEBANGSAAN

EDITOR

HISYAM CHE MAT

NOR RIJAM IBRAHIM

NOR AZLI MOHAMAD DAUD

Prosedur Operasi Standard [SOP]

REKREASI LUAR

KEBANGSAAN

Editor

Hisyam Che Mat

Nor Rijam Ibrahim

Nor Azli Mohamad Daud

PENERBIT  PRESS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Reka bentuk kulit : Arif Zulhimi Mohd Zin
Pereka/Konsep : Arif Zulhimi Mohd Zin
Susun atur huruf : Arif Zulhimi Mohd Zin
Rupa taip teks : Acumin Variable Concept /
Century Gothic / Cocogoose
Saiz taip teks : 10 pt - 50 pt

© Penerbit UiTM, UiTM 2022

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. e-mel: penerbit@salam.uitm.edu.my

Penerbit UiTM adalah anggota
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Prosedur Operasi Standard [SOP] : REKREASI LUAR KEBANGSAAN / EDITOR
HISYAM CHE MAT, NOR RIJAM IBRAHIM, NOR AZLI MOHAMAD DAUD.
ISBN 978-967-363-792-8

1. Outdoor recreation--Safety measures.
2. Government publications--Malaysia.

I. Hisyam Che Mat.

II. Nor Rijam Ibrahim.

III. Nor Azli Mohamad Daud.

796.50289

Dicetak di Malaysia oleh : Pusat Percetakan UiTM
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka
Universiti Teknologi MARA
40450, Shah Alam
Selangor

Kandungan

<i>Kata Alu-aluan I</i>	vii
<i>Kata Alu-aluan II</i>	ix
<i>Kata Alu-aluan III</i>	xi
<i>Kata Alu-aluan IV</i>	xiii
<i>Prakata</i>	xv
Definisi Operasional	1
Penyataan	7
Pendahuluan	9
→ KEPENTINGAN SOP REKREASI LUAR Norma Baharu KEPADA NEGARA	10
→ PROSEDUR UMUM AKTIVITI/PROGRAM REKREASI LUAR Norma Baharu	10
Protokol Am Peserta	13
Carta Alir Prosedur Program & Senarai Semak Prosedur Umum Aktiviti/Program Rekreasi Luar Norma Baharu SEBELUM SEMASA SELEPAS	15
Prosedur Operasi Standard Kawalan Peserta Program Rekreasi Luar Norma Baharu	21
→ AKTIVITI/PROGRAM SECARA INDIVIDU	22
→ AKTIVITI/PROGRAM SECARA BERKUMPULAN	23
Prosedur Operasi Standard Kawalan Peserta Program Rekreasi Luar Norma Baharu	
Panduan Tambahan Aktiviti Rekreasi Luar (Penganjur)	25
→ TAKLIMAT	26
→ PERKHEMAHAN	26
→ REKREASI DI AIR	27
→ REKREASI DARAT	28
Soalan Lazim	31
Senarai Hospital Rujukan bagi Mengendalikan Kes yang Disyaki (PUI) dan Kes Sahih COVID-19	37
<i>Rujukan</i>	39
<i>Senarai Nama Penulis</i>	41
<i>Lampiran</i>	43

Prakata

BUKU Prosedur Operasi Standard (SOP) Rekreasi Luar Kebangsaan ini bertujuan menyeragamkan tatacara operasi bagi organisasi dan individu yang terlibat untuk menganjur dan melaksanakan aktiviti/program rekreasi luar. Ia berfungsi sebagai sebuah garis panduan keselamatan ketika berekreasi luar dan sumber rujukan dalam memastikan kelancaran perjalanan aktiviti/program rekreasi luar di seluruh negara. Dokumen SOP ini bermatlamat untuk menggalakkan pelaksanaan program rekreasi luar yang lebih terancang dan selamat serta membudaya dan menyebarkan amalannya di seluruh negara. Oleh yang demikian, bagi melestarikan rekreasi luar dan memastikan pelaksanaan aktiviti/program rekreasi luar ini selamat untuk semua yang terlibat, sebuah Prosedur Operasi Standard (SOP) Rekreasi Luar Kebangsaan telah berjaya diterbitkan oleh JBSN.

Buku ini ditulis hasil kerjasama panel pakar bidang rekreasi luar daripada pelbagai universiti tempatan, Persatuan Jurulatih Rekreasi Malaysia (PJRM) dan beberapa agensi kerajaan lain yang bertindak sebagai panel penulis untuk SOP ini. Penghasilan SOP ini dilaksanakan dengan mengambil kira garis panduan dan SOP tempatan dan antarabangsa seperti daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Persatuan Jurulatih Rekreasi Malaysia (PJRM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), dan pelbagai agensi lain yang terlibat dengan penganjuran aktiviti/program rekreasi luar di Malaysia.

Sebagai penghargaan, saya ingin merakamkan setinggi kesyukuran dan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) kerana memberi peluang dan sokongan menerbitkan buku ini. Saya sangat menghargai jasa Tuan Nor Rijam Ibrahim dan Tuan Nor Azli Muhamad Daud selaku rakan editor atas segala kerjasama, dorongan dan nasihat mereka sepanjang penulisan buku ini. Penghargaan juga dipanjangkan kepada semua rakan panel penulis yang turut sama meluangkan masa berbengkel dan menyumbang kepakaran mereka. Kesungguhan dan kerja sepasukan kesemua penulis telah membolehkan buku ini diterbitkan. Alhamdulillah.

Diharapkan agar penerbitan buku ini akan terus menyemarakkan perkembangan aktiviti/program rekreasi luar di Malaysia terutamanya setelah pelaksanaan peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN). Selamat membaca dan semoga ia bermanfaat kepada semua.

Hisyam Che Mat
Universiti Teknologi MARA